

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL KEMPEN “PB DEPOSIT TETAP / DEPOSIT BERTEMPOH-i RCB KHAS”

Kempen “PB Deposit Tetap / Deposit Bertempoh-i RCB Khas” (“Kempen”) ini dilancarkan bersama-sama oleh Public Bank Berhad (No. Pendaftaran 196501000672 (6463-H)) (“PBB”) dan Public Islamic Bank Berhad (No. Pendaftaran 197301001433 (14328-V)) (“PIBB”). Terma dan syarat yang berikut mengawal Kempen ini.

1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 September 2022 hingga 31 Disember 2022**, (termasuk kedua-dua tarikh tersebut atau tarikh lain seperti yang ditentukan oleh PBB / PIBB (“Tempoh Kempen”)).
- 1.2 Kempen ini boleh didapati di semua cawangan PBB dan PIBB termasuk Pusat Perbankan Red Carpet (“RCB”) di Malaysia.

2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada Pelanggan RCB yang mengekalkan amaun deposit teragregat minimum seperti yang dinyatakan dalam Rajah A berdasarkan kategori keahlian RCB yang berkenaan (“Peserta yang Layak”). Amaun deposit teragregat minimum adalah dalam kombinasi mana-mana akaun yang berikut:
 - a) Deposit Tetap Mata Wang Asing (setara dengan Ringgit Malaysia);
 - b) Akaun Semasa / Akaun Semasa-i Mata Wang Asing (setara dengan Ringgit Malaysia);
 - c) Akaun Semasa / Akaun Semasa-i;
 - d) Akaun Simpanan / Akaun Simpanan-i; atau
 - e) Deposit Tetap / e-Deposit Tetap / Deposit Bertempoh-i / e-Deposit Bertempoh-i

Rajah A

Kategori Keahlian RCB	Amaun Deposit Teragregat Minimum
RCB Elite	RM1,000,000
RCB Gold	RM300,000

2.2 Mereka yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:

- a) kakitangan tetap dan/atau kontrak PBB, PIBB dan Public Investment Bank Berhad (“PIVB”);
- b) pelanggan bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan;
- c) orang yang tidak waras;
- d) orang yang telah diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa jua bentuk terhadap mereka; dan
- e) orang yang akaunnya dipegang oleh PBB / PIBB culas atau tidak disenggara dengan memuaskan seperti yang ditetapkan oleh PBB / PIBB.

3. Butir-butir Kempen

3.1 Produk yang Layak di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:

Bil.	Produk yang Layak
1	Deposit Tetap PLUS (“FD PLUS”)*
2	Deposit Bertempoh-i (“DB-i”)*

* Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

3.2 Peserta yang Layak yang membuat peletakan minimum sejumlah Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) bagi setiap resit deposit tetap / deposit bertempoh-i (“resit”) dalam Produk yang Layak semasa Tempoh Kempen layak untuk menikmati kadar faedah / keuntungan promosi ini:-

Untuk tempoh kempen dari 1 September 2022 hingga 19 September 2022:

Tempoh	Kadar Faedah / Keuntungan Promosi (% setahun)	
	RCB Elite	RCB Gold
3 Bulan	2.65	2.60
6 Bulan	2.75	2.70
9 Bulan	2.80	2.75
12 Bulan	2.85	2.80

Untuk tempoh kempen dari 20 September 2022 hingga 31 Disember 2022:

Tempoh	Kadar Faedah / Keuntungan Promosi (% setahun)	
	RCB Elite	RCB Gold
3 Bulan	2.70	2.65
6 Bulan	2.90	2.85
9 Bulan	3.00	2.95
12 Bulan	3.10	3.05

- 3.3 Peserta yang Layak dibenarkan untuk membuat peletakan FD PLUS / DB-i dalam resit berganda tertakluk pada amaun minimum sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) setiap resit dan sehingga maksimum Ringgit Malaysia Sepuluh Juta (RM10,000,000) setiap Produk yang Layak.
- 3.4 Semua wang atau dana yang diletakkan di bawah Kempen ini mestilah dana baharu. “Dana baharu” merujuk apa-apa wang atau dana yang bukannya daripada dana sedia ada dalam akaun deposit Peserta yang Layak sama ada dipegang secara bersendirian atau bersama-sama dengan orang lain dan disenggara dengan PBB atau PIBB. Peserta yang Layak mesti membuat peletakan deposit dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar dari tarikh wang atau dana itu dipindahkan atau dikreditkan dalam akaun Peserta yang Layak, jika tidak wang atau dana itu tidak lagi dianggap “dana baharu”.
- 3.5 Peletakan FD PLUS / DB-i itu hanyalah untuk 3 bulan atau 6 bulan atau 9 bulan atau 12 bulan sahaja. Kadar faedah / keuntungan promosi hanya diterima pakai untuk satu (1) pusingan sahaja. Peletakan FD PLUS / DB-i itu akan diperbaharui secara automatik bagi tempoh 3 bulan atau 6 bulan atau 9 bulan atau 12 bulan pada kadar faedah / keuntungan kaunter semasa PBB / PIBB dengan faedah FD PLUS / keuntungan DB-i (mana-mana yang berkenaan) akan ditambah kepada amaun pokok atau dikreditkan ke dalam Akaun Semasa/Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i (CASA / CASA-i) yang ditentukan milik Peserta yang Layak apabila matang.
- 3.6 Pemegang akaun bagi FD PLUS / DB-i dan CASA / CASA-i mestilah dalam nama individu yang sama.

- 3.7 Faedah atau keuntungan (mana-mana yang berkenaan) dikira berdasarkan bilangan hari sebenar.
- 3.8 Apabila matang, faedah FD PLUS / keuntungan DB-i (mana-mana yang berkenaan) akan ditambah kepada amaun pokok atau dikreditkan ke dalam CASA / CASA-i yang ditentukan milik Peserta yang Layak menurut peraturan pengendalian biasa PBB / PIBB bagi pengkreditan faedah FD PLUS / keuntungan DB-i (mana-mana yang berkenaan) dalam CASA / CASA-i.
- 3.9 **Apa-apa peletakan FD PLUS / DB-i yang dibuat di bawah Kempen ini dan dikeluarkan sebelum kematangannya tidak layak untuk apa-apa faedah / keuntungan (mana-mana yang berkenaan).**

Keadaan di atas akan terus diterima pakai apabila peletakan FD PLUS / DB-i diperbaharui.

- 3.10 Pengeluaran sebahagian peletakan dalam FD PLUS / DB-i **tidak** dibenarkan.
- 3.11 Semua arahan bagi pengeluaran peletakan FD PLUS / DB-i mesti dibuat dengan memberi arahan bertulis yang jelas dan tepat dan ditandatangani dengan sewajarnya oleh penandatangan dibenarkan pemegang akaun tersebut berkaitan dengan pengeluaran dan pelupusan peletakan berkenaan. PBB dan PIBB berhak untuk menolak / mengelak daripada melaksanakan arahan tersebut sekiranya tandatangan pada dokumen seumpama itu, pada pandangan PBB / PIBB, mengikut keadaan, berbeza daripada contoh tandatangan dalam sistem PBB atau PIBB. Semua pindaan dalam arahan tersebut hendaklah disahkan oleh penandatangan dibenarkan yang mana tandatangan ini hendaklah mengikut contoh tandatangan dalam sistem PBB atau PIBB.
- 3.12 Apa-apa peletakan FD PLUS / DB-i yang dibuat dalam Kempen ini tidak akan dibenarkan untuk dijadikan sandaran bagi apa-apa overdraf, kemudahan tunai-i atau apa-apa kemudahan atau pembiayaan lain.
- 3.13 Kempen ini **tidak** sah dengan promosi produk lain yang ditawarkan serentak oleh PBB dan/atau PIBB.

4. Terma dan Syarat Am

- 4.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak, terma dan syarat yang mengawal Keahlian RCB dan terma dan syarat yang mengawal CASA / CASA-i (termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan/atau semakan semula terma dan syarat ini). Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara terma dan syarat ini dengan terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak, terma dan syarat yang mengawal Keahlian RCB dan terma dan syarat yang mengawal CASA / CASA-i, terma dan syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.
- 4.2 Peserta yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB dan PIBB, dan keputusan PBB dan PIBB berkaitan dengan apa-apa perkara mengenai Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas mereka. PBB dan PIBB tidak akan melayani apa-apa rayuan atau surat-menyerat daripada mana-mana Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga.
- 4.3 Peserta yang Layak bersetuju dan memberi keizinan kepada PBB dan PIBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan semua maklumat mereka berkaitan dengan Produk yang Layak, CASA dan CASA-i bagi tujuan Kempen ini.
- 4.4 PBB dan PIBB tidak akan bertanggungjawab mahupun menerima apa-apa liabiliti dalam apa juga bentuk dan walau bagaimana sekali pun yang timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh PBB dan PIBB secara khusus berkaitan dengan Kempen ini.
- 4.5 PBB dan PIBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Kempen ini yang disiarkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
- 4.6 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB dan PIBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, waranti atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa penghadan terhadap apa-apa yang diterbitkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk sesuatu tujuan berkaitan dengan Kempen ini.

4.7 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara terma dan syarat ini dengan apa-apa pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain berkenaan atau berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat ini akan diterima pakai.

4.8 PBB dan PIBB berhak untuk:

- a) membuat penambahan, memotong atau mengubah terma dan syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB / PIBB, mempamerkan notis di cawangan PBB / PIBB atau kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB / PIBB dari semasa ke semasa.
- b) membatalkan, menarik balik, menggantung atau menamatkan Kempen ini sebelum berakhirnya Kempen ini, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu hari (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB / PIBB, mempamerkan notis di cawangan PBB / PIBB atau kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB / PIBB dari semasa ke semasa. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PBB / PIBB bagi mana-mana dan semua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang Layak.
- c) menyemak semula kadar faedah / keuntungan promosi di bawah Kempen ini dengan memberi notis awal kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB / PIBB, mempamerkan notis di cawangan PBB / PIBB atau apa juga kaedah seperti yang ditentukan oleh PBB / PIBB dari semasa ke semasa.

4.9 Terma dan syarat ini akan dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.

4.10 Peserta yang Layak boleh membaca Notis Kerahsiaan PBB / PIBB yang menyatakan bagaimana PBB / PIBB menggunakan maklumat Peserta yang Layak dalam laman web PBB / PIBB atau di mana-mana cawangan PBB / PIBB.

Ruang Selebihnya pada Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong
